

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN JOHOR

OLEH

SITI HAJAIS BT. ABD WAHAB
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKTARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

1100045595

Perpustakaan
Institut Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 57 FPE 2 2006



1100045595

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Johor / Siti Hajar Abd Wahab.

PERPIISTAKAAN

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN JOHOR

Oleh

SITI HAJAR BT ABD. WAHAB
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

1100045595

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Siti Hajar Bt Abd. Wahab (UK 9730) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Siti Hajar Bt Abd. Wahab

Tarikh : 21 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh :



Penyelia KUSTEM
b/p Penggerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh / salam sejahtera

Syukur saya panjatkan ke hadrat llahi kerana dengan segala limpah kurnia dariNya serta selawat dan salam ke atas Nabi junjungan Muhammad S.A.W, para Sahabat dan keluarga kerana dapat saya menyiapkan buku laporan Latihan Industri ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Latihan Industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang mewajibkan pelajar-pelajar di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi untuk menjalani latihan industri di sektor awam dan sektor swasta. Peluang yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman saya dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Johor khasnya kepada Pengarah Cawangan, En Phukari B. Samsuri kerana memberikan kebenaran untuk saya menjalankan Latihan Industri selama 12 minggu di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Johor. Seterusnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia pelajar latihan industri JANM iaitu Pn Hjh Khamsiah Bt. Elias yang memberikan sedikit sebanyak bimbingan kepada saya semasa menjalankan latihan industri di JANM. Pelbagai pengetahuan yang saya peroleh di samping pengalaman bekerja di bawah bimbingan pengarah dan pegawai yang berdedikasi dan disanjungi. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih

kepada seluruh kakitangan JANM yang sudi membantu dan bekerjasama dengan saya sepanjang saya menjalani latihan industri di jabatan mereka.

Seterusnya saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Industri KUSTEM iaitu Pn Ruzaini Bt. Sulaiman yang sudi meluangkan masa beliau untuk meninjau keadaan saya semasa menjalani latihan industri di JANM. Segala tunjuk ajar yang diberikan dapat membantu saya menyediakan laporan akhir latihan industri ini dengan jayanya. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa serta seisi keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang saya menjalani latihan industri di JANM. Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat langsung atau tidak langsung dalam Laporan Latihan Industri ini. Saya berharap dengan adanya buku laporan ini sedikit sebanyak dapat membantu saya sebagai satu bahan rujukan yang amat berguna di masa akan datang.

Sekian.

Yang Benar,

.....
(Siti Hajar Bt. Abd Wahab)

Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Jadual Model SPEKS 40

SENARAI RAJAH

Rajah 1	: Carta Organisasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia	11
Rajah 2	: Carta Organisasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Johor	12
Rajah 3	: Carta Hubungkait Aplikasi EG-AG	33
Rajah 4	: Gambarajah Keseluruhan Sistem	34

SENARAI SINGKATAN

JANM	:Jabatan Akauntan Negara Malaysia
KOMTAR	:Kompleks Tun Abdul Razak
PTJ	:Pusat Tanggungjawab
eSPKB	:Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik
KEW	:Kewangan
GFMAS	:Sistem Kewangan dan Pengurusan Perakaunan Standard <i>(Government Finance and Management Accounting Standard)</i>
EFT	:Sistem Pemindahan Wang Secara Elektronik <i>(Electronic Fund Transfer)</i>
OMPD	:Operating Machine Producing Data
HRMIS	:Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia
BAS	:Sistem Perakaunan Cawangan <i>(Branch Accounting System)</i>
EG	: <i>Electronic System</i>
SPEKS	:Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Bagi Kerajaan Negeri
SPS	:Sistem Pengurusan Sekuriti
CIS	:Centralised Integrated System
SWOT	:Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman <i>(Strength, Weakness, Opportunities, Threats)</i>
ICT	:Teknologi Komunikasi Maklumat <i>(Information Technology Communication)</i>

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib latihan industri (SOS 4299) ke atas pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Ini bermakna latihan industri merupakan sebahagian syarat kepada pelajar fakulti pengurusan dan ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan sarjana muda pengurusan polisi dan sekitaran sosial. Tujuan latihan industri ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerja yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang terdapat dalam organisasi dan persekitarannya sama ada jabatan swasta, badan berkanun ataupun kerajaan yang terlibat.

Disamping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya dan sebagainya. Selain itu latihan industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Pelatih telah menjalani latihan industri di Jabatan Akauntan Negara bagi tempoh 12 minggu bermula dari 17 April 2006 hingga 7 Julai 2006 dan ditempatkan di bawah penyelia industri Pn. Hjh Kamsiah Bt. Elias.

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

- i. Untuk mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar.
- ii. Untuk membantu pelajar dalam merealisasikan dan memperkembangkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan dalam persekitaran tempat kerja.
- iii. Untuk menggalakkan pelajar memahami kepentingan pembelajaran berterusan.
- iv. Untuk membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran akademik yang telah dipelajari sepanjang pengajian mereka.
- v. Untuk memberi ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal graduan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).